



كِرَاءِ نَجَارِ بِنْتِ كِرَاءِ قِيَادِ بِنْتِ الْاِمْتِزَانِ

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

NEGERI KEDAH DARUL AMAN

ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN

05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-774 4000/ 04-774 4010

Faks : 04-774 4578/ 04-733 0910

04-774 4643/ 04-733 8717

E-mail : pbnk@kedah.gov.my

Kedah
Malaysia
where it all began

Ruj. Kami: PPNK.BN.400/3/15(13)

Tarikh : 13 Syaaban 1441H

07 April 2020

Semua Pegawai Pengawal
Jabatan Kerajaan Negeri

Y.B. Dato' Paduka/YB Dato'/YAA Dato'/Y.Bhg Dato'/Tuan/Puan,

PENOLAKAN PENANGGUHAN PEMBAYARAN BALIK PINJAMAN (MORATORIUM) SECARA AUTOMATIK SELAMA 6 BULAN OLEH KAKITANGAN

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan selaras dengan pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Mac 2020 penangguhan pembayaran balik pinjaman (moratorium) selama enam bulan akan diberikan secara automatik kepada individu yang meminjam dengan bank atau institusi kewangan sepertimana arahan Bank Negara Malaysia (BNM)

3. Untuk makluman YB Dato' Paduka/YB Dato'/YAA Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan, pentadbiran ini melalui surat Ruj. Kami: PPNK.BN.400/3/15(11) bertarikh 2 April 2020 telah memaklumkan berkenaan kaedah pelaksanaan penangguhan pembayaran balik pinjaman (moratorium) secara automatik tersebut. Walau bagaimanapun terdapat permohonan daripada pegawai dan kakitangan untuk menolak moratorium tersebut.

4. Bagi pegawai dan kakitangan yang ingin menolak moratorium tersebut, pegawai dan kakitangan yang berkenaan **hendaklah berurusan sendiri** dengan bank atau agensi yang berkaitan untuk memaklumkan berkenaan penolakan moratorium selama 6 bulan dan seterusnya memaklumkan kepada Unit Kewangan Jabatan/PTJ masing-masing untuk tindakan lanjut. Unit Kewangan Jabatan/PTJ YB Dato' Paduka/Y Dato'/YAA Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan juga hendaklah memastikan perkara berikut;



BIL	KOD POTONGAN	AGENSI / BANK	TINDAKAN
1.	9999	ANGKASA	Tiada pemberhentian potongan dibuat ke atas gaji pegawai atau kakitangan yang menolak moratorium. Semakan boleh dibuat oleh Unit Kewangan jabatan/PTJ melalui Laporan G028
2.	4162	Malaysian Building Society Berhad (MBSB)	
3.	2391	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	
4.	4142	Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)	Tidak membuat sebarang perubahan potongan melalui Kew 320 (seperti arahan surat No.Rujukan PPNK.BN.400/3/15(11) bertarikh 2 April 2020)
5.	4156	Bank Simpanan Nasional (BSN)	
6.	4151	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia	
7.	4148	Public Bank	

5. Bagi potongan bayaran balik pinjaman agensi seperti di bilangan 1-3 di jadual di atas sekiranya agensi-agensi tersebut menghentikan potongan gaji bulan April, pegawai atau kakitangan berkaitan hendaklah menghubungi terus agensi-agensi berkenaan untuk tindakan lanjut. Manakala bagi pinjaman di bilangan 4-7 di jadual di atas, pegawai atau kakitangan yang terlibat hendaklah membuat bayaran sendiri ke bank atau institusi kewangan yang berkaitan. Ini disebabkan potongan gaji bulan April akan dikredit akaun bank pegawai atau kakitangan yang terlibat selaras dengan pelaksanaan moratorium secara automatik manakala potongan gaji untuk bulan Mei akan berjalan seperti biasa.

6. Kerjasama Y.B. Dato'Paduka/YB Dato'/YAA Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Ruj. Kami: PPNK.BN.400/3/15(13)

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

‘KEDAH AMAN MAKMUR-HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH’

Saya yang menjalankan amanah,



(NAZHATUN BINTI MD. REJAB, AMK., C.A.(M))

Bendahari Negeri,

b.p. Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman